

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YBHG. DATO' Ir. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN
KETUA PENGARAH KERJA RAYA

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN
SISTEM PENGURUSAN PEROLEHAN DAN PEMANTAUAN KERJA
(S3PK v2) JKR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

TEMPAT :

MENARA KERJA RAYA

26 FEBRUARI 2021 (RABU)

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

Yang Berbahagia Datuk Ir. Razdwan bin Kasim

Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pakar yang juga menjalankan tugas sebagai Timbalan
Ketua Pengarah Sektor Bangunan

Yang Berbahagia Dato' Ir. Haji Ahmad Redza bin Ghulam Rasool

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya Sektor Infra

Pengarah-Pengarah Kanan

Pengarah – Pengarah Cawangan

Pengarah – Pengarah Negeri

Dan

Hadirin-Hadirat Sekalian,

Bismilahirrahmanirrahim.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah segala puji milik Allah Subhanahu Wataala. Selawat dan Salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam. Bersyukur kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita diberi kesempatan untuk bersama-sama hadir secara maya sempena **Majlis Pelancaran Sistem Pengurusan Perolehan Dan Pemantauan Kerja (S3PK) JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.**

2. Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana sudi mengundang saya, seterusnya menyempurnakan majlis pelancaran pada hari ini. Sesungguhnya saya berbesar hati dapat bersemuka dengan tuan-puan, walaupun hanya melalui tatapan skrin komputer atau telefon pintar masing-masing.

3. Sebagaimana yang kita ketahui, setiap program jabatan perlu diadakan secara atas talian dalam usaha mengawal penularan pandemik COVID-19. Oleh itu, kita perlu membiasakan pembudayaan norma baharu dalam rutin kerja dan memastikan segala kerja dapat dilaksanakan dengan lancar.

4. Mengambil kesempatan di sini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Pengarah JKR Kuala Lumpur dan warga JKR KL yang gigih berusaha dalam merangka dan membangunkan sistem ini demi kepentingan Jabatan.

5. Asas utama sistem ini dibangunkan adalah untuk memperkukuh dan mempertingkatkan kecekapan pengurusan proses sebutharga. Inovasi yang dirintis oleh JKR KL selaras dengan hasrat kerajaan untuk mendigitalkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan bersesuaian dengan situasi semasa. Syabas JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Yang Berbahagia Datuk/ Dato'/ Tuan /Puan sekalian,

6. Saya difahamkan S3PK ini pada asalnya dibangunkan hasil inovasi JKR Besut pada tahun 2013 bertujuan untuk memudahkan proses perolehan sebut harga dan pemantauan kerja. Sistem ini juga telah didaftarkan di bawah Akta Hak Cipta 1987 pada 20 Oktober 2014.

7. Cetusan inovasi ini bermula apabila didapati terdapat banyak permasalahan dan isu yang timbul sepanjang proses perolehan sehingga projek siap. Sebagai warga teknikal, kita semua fahami dan akui bahawa proses perolehan secara manual mengambil tempoh masa yang agak panjang dan melibatkan penggunaan tenaga kerja yang ramai untuk proses mendaftar, merekod, menyediakan laporan dan sebagainya.

8. Seringkali juga berlaku kesesakan di kaunter-kaunter jualan dokumen semasa proses pembelian dokumen sebut harga sekiranya beberapa sebut harga diiklankan secara serentak. Ini menimbulkan pelbagai rungutan dari kontraktor-kontraktor yang terlibat.

9. Oleh itu, matlamat utama S3PK dibangunkan adalah sebagai satu kaedah penyelesaian ke atas permasalahan tersebut. Ia juga memudahcara proses kerja, menyimpan maklumat dan rekod prestasi kontraktor serta memudahkan pemantauan kerja. Penyediaan dokumen juga dapat dipercepatkan dan diseragamkan, seterusnya boleh membantu meminimalkan '*human error*'.

Para hadirin sekalian,

10. Sebagaimana kita sedia maklum, awal tahun 2020, negara kita berdepan dengan penularan pandemik Covid-19 dan memberikan impak besar kepada negara, terutamanya dalam aspek ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Justeru, pada bulan Julai 2020, JKR KL mengambil inisiatif untuk membuat penambahbaikan Sistem S3PK bagi menyesuaikan cara kerja dengan norma baru ekoran penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada

Mac 2020 dan diikuti fasa PKPB. Saya nampak usaha JKR KL melalui sistem ini dapat membantu merancakkan ekonomi Negara yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

11. Melalui sistem ini, kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan memenuhi kriteria sepertimana ditetapkan, layak untuk memohon perolehan sebutharga. Justeru, pemilihan kontraktor adalah lebih telus dan saksama. Prestasi kontraktor juga sentiasa direkod dan dikemaskini di dalam sistem ini sebagai rujukan pada masa hadapan.

12. Saya percaya dengan sistem ini dapat mengoptimalkan penggunaan sumber tenaga manusia. Seterusnya dapat menangani masalah kekurangan kakitangan kerana kerja-kerja boleh diuruskan secara atas talian sepenuhnya.

13. Sistem ini terbukti dapat membantu jabatan melaksanakan proses sebutharga dalam tempoh yang lebih singkat iaitu anggaran 2 hingga 4 minggu, berbanding tempoh secara manual yang memakan masa sehingga 2 bulan, bermula daripada iklan sehingga pengeluaran Surat Setuju Terima/ Inden Kerja.

14. Bagi proses penilaian sebutharga pula, proses tersebut dapat disiapkan dalam tempoh satu (1) hari manakala keputusan oleh Jawatankuasa Sebutharga boleh diperolehi dalam tempoh seminggu dari tarikh tutup sebutharga.

15. Berdasarkan penilaian penggunaan sistem ini di JKR KL, saya difahamkan ia sangat efektif dan membantu memudahkan warga JKR dalam meningkatkan kecekapan dan produktiviti kerja walaupun dilaksanakan secara intranet. Oleh itu, pihak pengurusan JKR berpandangan bahawa penggunaan sistem ini wajar diperluaskan ke seluruh JKR di peringkat negeri mahupun daerah.

16. Saya juga dimaklumkan sistem ini adalah mesra pengguna dan penambahbaikan berterusan boleh dilaksanakan bagi mematuhi keperluan dan arahan terkini. Pembangunan modul kontraktor dalam masa terdekat telah dirancang bagi membolehkan para kontraktor mengakses sistem untuk mendaftar, melihat iklan, memuatnaik dan memuatturun dokumen serta memasukkan tawaran harga secara atas talian.

17. Sistem ini menjanjikan persaingan yang adil dan perolehan sebutharga secara telus di kalangan kontraktor yang berdaftar dengan CIDB serta benar-benar layak. Prestasi kontraktor sentiasa dipantau, direkod dan dikemaskini di dalam sistem ini untuk memastikan kontraktor yang dilantik pada masa akan datang berkeupayaan untuk menyiapkan kerja mengikut tempoh masa dan kualiti yang ditetapkan.

18. Melihat kepada kejayaan sistem tersebut, saya percaya lebih banyak sebutharga dapat diproses secara serentak kerana tempoh masa yang diperlukan untuk menguruskan aktiviti membuka sebutharga dan penilaian sebutharga adalah lebih singkat. Oleh itu, kerja-kerja di tapak dapat dimulakan segera dan dapat membantu kerajaan membelanjakan peruntukan yang disediakan dengan lebih cepat dan efektif.

PENUTUP

19. Besar harapan saya semoga dengan inisiatif ini, kita dapat menambahbaik perkhidmatan sedia ada berkaitan perolehan sebutharga, di samping mendukung hasrat kerajaan untuk menjana dan memulihkan kembali ekonomi negara. Sesungguhnya, hasrat saya supaya sistem S3PK ini akan digunapakai di seluruh JKR Negeri dan Daerah serta jabatan dan agensi kerajaan yang lain. Bak kata pepatah Inggeris; ***“Small Changes Eventually Add Up To Huge Results”***.

20. Usaha ini adalah selari dengan Inisiatif MyDIGITAL yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia pada 19 Februari yang lalu. Sebanyak enam (6) teras utama telah dirangka melalui Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia. Salah satu teras ialah memacu transformasi digital sektor awam dalam memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan kecekapan proses kerja dan produktiviti.

21. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Pengarah JKR WPKL dan pasukannya yang bertungkus lumus berusaha membangunkan sistem ini. Saya pasti kejayaan ini adalah hasil kerjasama dan muafakat warga JKR WPKL.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan **Sistem Pengurusan Perolehan Dan Pemantauan Kerja (S3PK) JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.**

Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.